

23/02/1999

Persaingan sengit enam parti politik di Sabah

Lichong Angkui

TIDAK seperti sebelumnya, sidang akhbar Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Bernard Giluk Dompok di Kota Kinabalu semalam mempunyai kelainan tersendiri. Selain diapit dan dikelilingi barisan pimpinan negeri - menteri, pembantu menteri dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun), majlis itu turut dikerumuni 'orang politik' serta wakil media massa yang begitu ramai bilangannya.

Kehadiran krew media elektronik untuk membuat liputan sidang akhbar itu secara langsung memperkuatkan andaian pengumuman yang bakal dibuat Ketua Menteri, akan menjadi berita utama.

Nyata benar, Dompok mengumumkan pembubaran DUN Sabah, berkuat kuasa serta-merta iaitu 24 hari sebelum tempoh penggal pemerintahan lima tahun kerajaan sekarang berakhir pada 18 Mac ini.

Berikutan pembubaran DUN, pilihan raya Sabah kali kesembilan perlu diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh ia berkuat kuasa seperti diperuntukkan dalam Perkara 55 (4) Perlembagaan Persekutuan.

Pengumuman itu dibuat dua hari selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menamatkan lawatan tiga hari ke Sabah dengan merumuskan Barisan Nasional (BN) tidak menghadapi masalah mempertahankan kerajaan sekarang dalam pilihan raya negeri akan datang, berikutan sokongan rakyat peringkat akar-umbi terhadap BN Sabah yang sangat positif.

Namun pengumuman berkenaan sebenarnya bukan sesuatu yang mengejutkan, sama ada di kalangan penganalisis politik tempatan atau media. Ini kerana desas-desus mengenainya sudah lama kedengaran, malah hangat diperbualkan sepanjang persidangan belanjawan DUN Sabah pada 17-21 November tahun lalu.

Apa pun alasannya, Dompok tentu mempunyai alasan kukuh, inspirasi dan 'feng-shui' terbaik memilih tarikh 22 Februari 1999 untuk mengumumkan pembubaran itu. Yang pasti, beliau tentunya sudah memaklumkan perkara itu kepada Dr Mahathir serta berbincang dengan pemimpin semua parti komponen BN Sabah.

Selain Umno selaku tunjang utama kerajaan, BN Sabah turut dianggotai Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Demokratik Sabah (PDS), Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu (Akar), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Parti Liberal Demokratik (LDP), Gerakan, MCA dan MIC.

Umno Sabah diterajui Timbalan Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam, manakala Datuk Yong Teck Lee yang juga Adun kawasan Likas memimpin SAPP, parti berteraskan kaum Cina.

PDS pula dipimpin Dompok, manakala PBRS dipimpin Timbalan Ketua Menteri, Datuk Joseph Kurup. Kedua-dua parti itu mewakili masyarakat Kadazandusun/Murut dalam kategori Bumiputera bukan Islam. Parti Akar, gabungan tertua dalam komponen BN Sabah, kini dipimpin Menteri Pertanian dan Perikanan, Datuk Pandikar Amin Mulia.

Tiga lagi parti berteraskan masyarakat Cina, iaitu LDP diterajui Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, manakala Gerakan dan MCA yang berpusat di Semenanjung masing-masing dipimpin di peringkat negeri oleh Tan Sri Soon Siew Hoong sebagai pemangku pengerusi dan Adun kawasan Api-Api, Datuk Chau Tet On. MIC Sabah pula diterajui ahli perniagaan, V Jothi

DUN Sabah mempunyai 48 kawasan (yang digabungkan menerusi 20 kawasan Parlimen). Perlembagaan Negeri Sabah memperuntukkan pelantikan enam Adun tambahan, menjadikan 54 kerusi dalam DUN.

Daripada jumlah itu, BN menguasai 46 kerusi manakala pembangkang, Parti

Bersatu Sabah (PBS) pimpinan bekas Ketua Menteri, Datuk Joseph Pairin Kitingan, mempunyai tujuh Adun serta seorang Adun Bebas.

Jumlah terbanyak kerusi BN dimiliki Umno iaitu 23, diikuti PDS (11), SAPP (enam), Akar (tiga), PBRS (dua) dan MCA (satu).

Kali terakhir pilihan raya negeri diadakan pada 18-19 Februari 1994 yang menyaksikan PBS memenangi 25 kerusi berbanding 23 dimenangi BN, sekali gus membolehkannya membentuk kerajaan dengan majoriti kecil. Bagaimanapun, kira-kira sebulan kemudian BN membentuk kerajaan selepas beberapa Adun PBS berpaling tadah dan menyertai BN, diketuai Datuk Lajim Ukin (Klias), Datuk Rubin Balang (Kemabong) dan Datuk Zaini Isa (Labuan-Dilantik).

Kini persoalan timbul mengenai sejauh mana peluang parti yang bersaing untuk meraih kemenangan?

Sehingga kini enam parti politik mengesahkan mengambil bahagian pada pilihan raya kali ini. Selain BN, lima lagi parti politik ialah PBS, Parti Barisan Rakyat Sabah Bersekutu (Bersekutu), Parti Kebangsaan Pasok Nunukragang Bersatu (Pasok) dan Pas serta Parti Khidmat Rakyat Sabah (Khidmat) yang masih dalam proses pendaftaran di Kuala Lumpur.

Kecuali Bersekutu yang dipimpin seorang lagi bekas Ketua Menteri, Datuk Harris Salleh sebagai pemangku presiden, parti pembangkang lain tidak begitu menyengat.

Malah, penganalisis politik melihat persaingan sebenarnya pilihan raya kali ini adalah antara Umno dengan PBS dengan parti komponen BN lain dilihat kurang cengkaman.

Selain itu, ada beberapa parti nyamuk di luar BN yang mungkin mencuba nasib bersama calon Bebas yang sememangnya sentiasa ada setiap kali pilihan raya, tetapi mereka tidak lebih daripada sekadar melukut di tepi gantang. Antara yang dikatakan berminat ialah Parti Demokratik Setiasehati Kuasa Rakyat Bersatu Sabah (Setia).

Penyertaan mereka sekadar cari makan. Begitu pun, dijangkakan tidak ramai calon ditampilkan parti kecil ini memandangkan suasana ekonomi negara sekarang. Begitu juga calon Bebas, kecuali mereka yang mungkin ditaja pihak tertentu.

Bagaimanapun, parti dan calon bertanding akan diadili lebih 720,000 pengundi dalam Daftar Pemilih Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) yang disahkan pada 7 Januari tahun ini.

Mengikut pecahan pengundi, 24 daripada 48 DUN Sabah adalah kawasan majoriti Bumiputera Islam, 12 kawasan majoriti Bumiputera bukan Islam (Kadazandusun/Murut) dan empat kawasan Cina, manakala selebihnya lapan kawasan mempunyai pengundi campuran pelbagai kaum.

Berdasarkan persempadanan baru itu, kawasan majoriti pengundi Bumiputera Islam ialah Banggi, Tempasuk, Usukan, Likas, Sulaman, Petagas, Kawang, Pantai Manis, Bongawan, Kuala Penyu, Klias, Lumadan, Sindumin, Sungei Sibuga, Sekong, Sukau, Kuamut, Kunak, Lahad Datu, Sulabayan, Senalang, Balung, Merotai dan Kalabakan.

Kawasan majoriti Bumiputera bukan Islam pula ialah Matunggong, Tandek, Kadamaian, Tamparuli, Kiulu, Moyog, Kundasang, Ranau, Tambunan, Bingkor, Pensiangan dan Kemabong. Manakala kawasan majoriti Cina ialah Api-Api, Tanjung Papat, Karamunting serta Sri Tanjung dan kawasan pengundi bercampur ialah Kudat, Bengkoka, Inanam, Sembulan, Melalap, Sugut, Labuk dan Elapora.

Walaupun penganalisis politik meramalkan persaingan kali ini sengit buat BN, pemimpin kerajaan cukup yakin mempertahankan kerajaan sekarang. Dompok ketika berucap pada kongres ketiga PDS pada Julai tahun lalu misalnya, pernah menegaskan dakwaan kononnya PBS masih kuat dan pembangkang 'Pasti Berkuasa Semula' (yang merujuk kepada akronim bagi PBS) adalah dakyah dan impian kosong semata-mata.

Menurut Dompok, pencapaian terbaik dan terkuat PBS ialah ketika pilihan

raya Parlimen 1995 yang ketika itu rakyat marah dan menaruh dendam dengan cara kejatuhan kerajaan PBS.

Bagaimanapun, akhirnya PBS hanya mampu memenangi lapan daripada 20 kerusi Parlimen berbanding 12 yang diperolehi BN. Berasaskan analisis terperinci, iaitu jika undi itu dikira mengikut kawasan DUN, PBS hanya memenangi 17 kerusi, manakala BN mendapat 31 kerusi.

Apakah pula isu berbangkit kali ini?

Sebagaimana manifesto BN pada pilihan raya negeri 1994, agenda yang akan ditekankan kali ini tentunya menjurus kepada kesinambungan pelaksanaan program yang dirancang dan dijanjikan dulu. Penerusan itu penting sebagai bukti komitmen dan sikap konsisten kerajaan BN membela nasib rakyat.

Bagi pihak pembangkang pula, isu berkaitan hak rakyat dan negeri Sabah, Perjanjian 20 Perkara serta apa yang dianggapnya sebagai 'rampasan kuasa' selepas pilihan raya 1994 sudah mula berkumandang.

Isu penggiliran jawatan Ketua Menteri kepada pemimpin tiga kaum terbesar di Sabah - Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina, juga menjadi topik kempen pembangkang kali ini. Ini kerana sejak dulu sistem itu disifatkan pembangkang sebagai tidak praktikal.

Kini perhatian tertumpu kepada tarikh penamaan calon dan pengundian. Hal ini ditentukan SPR selaku badan bebas yang dijangka bermesyuarat di Kuala Lumpur dalam tempoh terdekat ini.

(END)